

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL : PERBANDINGAN METODOLOGI PENAFSIRAN TAFSIR AL-AZHAR DAN FI ZILAL AL-QURAN DALAM SURAH AL-RA'DU

SESI PENGAJIAN : 2007/2008

Saya : MOHD ZIKRI BIN SAMNGANI
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM / Sarjana / Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Hakmilik tesis adalah dibawah nama penulis melainkan penulisan sebagai projek bersama dan dibiayai oleh UTM, hakmiliknya adalah kepunyaan Universiti Teknologi Malaysia.
2. Naskah salinan di dalam bentuk kertas atau mikro hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis daripada penulis.
3. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian mereka.
4. Tesis hanya boleh diterbitkan dengan kebenaran penulis. Bayaran royalti adalah mengikut kadar yang dipersetujui kelak.
5. * Saya membenarkan/tidak membenarkan Perpustakaan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran di antara institusi pengajian tinggi.
6. **Sila tandakan (✓)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap :
084/6 Jalan Manggis 8,
Felcra Changkat Lada,
36800 Kg. Gajah Perak

DR. ARIEF SALLEH BIN ROSMAN
(Nama Penyelia)

Tarikh : _____

Tarikh : _____

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini, dan pada pandangan saya karya ini lengkap dari segi skop dan kualiti Projek Sarjana Muda bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) dari Universiti Teknologi Malaysia”.



Tandatangan : _____
Nama penyelia : DR. ARIEFF SALLEH BIN ROSMAN
Tarikh : _____

PERBANDINGAN METODOLOGI PENAFSIRAN TAFSIR AL-AZHAR DAN FI
ZILAL AL-QURAN DALAM SURAH AL-RA'DU

MOHD ZIKRI BIN SAMNGANI

TESIS INI DISAMPAIKAN SEBAGAI MEMENUHI
SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SERTA
PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM)

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2007/2008

“Saya akui ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya yang saya telah jelaskan sumbernya”

Tandatangan : _____

Nama Penulis : MOHD ZIKRI BIN SAMNGANI

Tarikh : _____

DEDIKASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

INGATAN TULUS IKHLAS

BUATMU KELUARGA....
IBUNDA YANG TERCINTA DAN DIRINDUI
AYAHANDA YANG TERSAYANG DAN DIHORMATI

“Jasa dan pengorbananmu tak mungkin akan
Kusia-siakan”

“Ya Allah! Kasihanilah mereka sepertimana mereka
Mengasihimu sejak kecil”

ADIK-ADIK YANG KU KASIHI SEKALIAN
“Ku Doakan Agar Kalian Semua Mengikuti Jejak
Langkahku”

GURU-GURU....
Terima Kasih Atas Didikan Dan Pengorbananmu
Untuk Menjadikanku Insan Yang Berguna
“Semoga Keberkatan Yang Dicurahkan Menghiasi
Taman Syurga”

SAHABAT SEPERJUANGAN....
“Kenangan Indah Bersama Kalian Tidak Akan
Kulupakan”
Terima Kasih Atas Segala Teguran, Buatan dan
Pengorbanan Untuk Diriku

SEMOGA KALIAN SENTIASA DI BAWAH NAUNGAN RAHMAT
ILAHI

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan seluruh ahli keluarga baginda. Bersyukur saya kehadiran ilahi kerana dengan taufik dan hidayahnya, akhirnya saya Berjaya menyiapkan tugas ini dengan selamat.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Arief Salleh Bin Rosman selaku penyelia bagi Projek Sarjana Muda saya diatas nasihat, dorongan, buah fikiran dan tunjuk ajar beliau kepada saya dalam kajian ini. Semoga Allah akan membalas jasa kalian didalam kehidupan dunia dan akhirat.

Seterusnya jutaan terima kasih saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan dan individu-individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Semoga Allah SWT akan membalas jasa kalian di dalam kehidupan dunia dan akhirat.

Istimewa buat ayahanda dan bonda tercinta di atas dorongan, doa dan semangat yang telah diberikan di dalam menjayakan kajian ini. Sesungguhnya kalian adalah pembakar semangat bagiku dalam memperjuangkan kehidupan dan cita-cita ku dan di dalam menyiapkan kajian ini. Ya Allah ya tuhanku ampunilah dosa kedua ibubapaku dan rahmatilah dan sayangilah mereka, sebagaimana mereka mengasihi dan memdidikku semasa ku masih kecil. Amin Yarabbal ‘Alamin

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui metodologi tafsir yang terdapat dalam tafsir Fi Zilal al-Quran dan Tafsir al-Azhar dalam mentafsirkan al-Quran serta perbandingannya. Disamping itu, ia juga bertujuan untuk memperkenalkan dua orang tokoh iaitu Sayyid Qutb dan Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka) sebagai ulama' tafsir serta menghuraikan intisari *Surah al-Ra'du*. Penyelidik telah menggunakan metode dokumentasi dan penyelidikan perpustakaan. Untuk kajian ini, penyelidik mengkaji metodologi yang digunakan bagi setiap penafsir sewaktu menafsirkan *Surah al-Ra'du* serta perbandingan kedua-duanya mengikut metodologi Kesimpulan daripada kajian ini mendapati bahawa kedua-dua tafsir ini menggunakan penafsiran *bi ma'thur* dan *bi ra'yi*. Walaubagaimanapun penafsiran dalam surah ini wujud perbezaannya dari sudut tema atau gaya dan metode penafsiran dalam menafsiran sesuatu ayat dalam surah ini. Di akhir kajian, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu bagi memartabatkan ilmu penafsiran dan tafsir al-Quran.

ABSTRACT

The aim of this study is to know the methodology of Tafsir Fi Zilal al-Quran and Tafsir al-Azhar in interpret the al-Quran and their comparative. Beside that, the purpose of this study is also introduce two person, al-Syahid Sayyid Qutb and Haji Abdul Malik Bin Abdul Karim Amrullah (Hamka) as ulama in Tafsir and elaborate a kernel of *surah al-Ra'du*. Dokumentation metode and Libary research was used by the researcher. Researcher will search which methodology are used from interpretor when interpret meaning of *Surah al-Ra'du* and make comparative between two tafsir. Researcher was conclute of this this study which this tafsir have comparative in aspect theme and methodology interpret of ayah in this surah. In the end of this study, a few suggestion were proposed to certain parties to increase and prestige the knowledge and tafsir al-Quran

KANDUNGAN

BAB	PENGENALAN	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN TESIS	i
	PENGAKUAN PENYELIA	ii
	HALAMAN BERJUDUL	iii
	PENGAKUAN PELAJAR	iv
	DEDIKASI	v
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	SENARAI JADUAL	ix
	SENARAI SINGKATAN	x
	KANDUNGAN	xi
BAB 1	PENGENALAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Objektif kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.7 Batasan Kajian	10

1.8	Takrifan Istilah	10
1.9	Penutup	11
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pendahuluan	12
2.2	Pengertian Tafsir Dari Sudut Bahasa Dan Istilah	13
2.3	Kepentingan Tafsir	15
2.4	<i>Manhaj</i> Tafsir Serta Pembahagiannya	15
2.4.1	Manhaj Tafsir <i>Bi al-Ma'thur/ Bi al-Riwayah</i>	16
2.4.2	Manhaj Tafsir <i>Bi al-Ra'yi</i>	18
2.4.3	Manhaj Tafsir <i>Adabi Ijtima'i</i>	19
2.5	Manhaj Tafsir Fi Zilalil Quran	20
2.6	Manhaj Tafsir Al-Azhar	21
2.7	Biografi Sayyid Qutb	23
2.7.1	Riwayat Hidup Sayyid Qutb	23
2.7.2	Pendidikan Awal Sayyid Qutb	23
2.7.3	Penyertaan Sayyid Qutb Dalam Ikhwan al-Muslimin	24
2.7.3.1	Sumbangan Intelektual Sayyid Qutb Kepada Ikhwan Muslimin	25
2.7.3.2	Pengharaman Ikhwan al-Muslimin	25
2.7.4	Kesyahidan Sayyid Qutb	26
2.7.5	Keilmuan Dan Penulisan Sayyid Qutb	27
2.7.6	Karya Sayyid Qutb	27
2.8	Biografi Hamka (Haji Abdul Malik bin Abdul Karim 'Amrullah)	28
2.8.1	Riwayat kehidupan Hamka	28
2.8.2	Pendidikan awal	29
2.8.3	Bidang Pendidikan Dan Politik	30

2.8.4	Penyertaan Hamka Dalam Gerakan Muhammadiyah	31
2.8.5	Keintelektualan Hamka	31
2.8.6	Karya-karya Hamka	32
2.8.7	Kewafatan Hamka	33
2.9	Tafsir Fi Zilal al-Quran	33
2.9.1	Pengenalan dan Sejarah Tafsir Fi Zilal al-Quran	33
2.9.2	Penulisan tafsir Fi Zilal al-Quran	35
2.9.3	Ciri-Ciri Keistimewaan Dan Keunikan Tafsir Fi Zilal Al-Quran	36
2.10	Tafsir al-Azhar	37
2.10.1	Latarbelakang penulisan tafsir al-Azhar	37
2.10.2	Keistimewaan Tafsir al-Azhar	38
2.11	Kajian Lepas	39
2.12	Penutup	40

BAB

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	41
3.2	Metode Penentuan Subjek	42
3.3	Metode Pengumpulan Data	43
3.3.1	Metode Dokumentasi	43
3.3.2	Metode Sejarah (<i>Historis</i>)	44
3.3.3	Metode Penyelidikan Perpustakaan	44
3.4	Metode Analisis Data	44
3.4.1	Metode Induktif	45
3.4.2	Metode Deduktif	46
3.4.3	Metode Komparatif	46
3.5	Penutup	47

BAB**ANALISIS DATA**

4.1	Pendahuluan	48
4.2	Intisari <i>Surah al-Ra'du</i>	49
4.2.1	Sebab Penurunan Surah (<i>Asbab al-Nuzul Surah</i>)	50
4.3	Perbandingan Metodologi Dalam Penafsiran Antara Tafsir Fi Zilal Al-Quran Dengan Tafsir Al-Azhar Dalam Tafsir Fi Zilal Al-Quran Terhadap Surah Al-Ra'du	52
4.4	Kesimpulan	89
4.6	Penutup	92

BAB 5**RUMUSAN**

5.1	Pendahuluan	93
5.2	Perbincangan	93
5.3	Rumusan	95
5.4	Saranan	96
5.5	Cadangan Bagi Kajian Lanjutan	97
5.6	Penutup	98

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	<i>Metodologi Penafsiran Ang Terdapat Dalam Tafsir Al-Azhar Dalam Surah Al-Ra'du</i>	94
4.2	<i>Metodologi Penafsiran Ang Terdapat Dalam Tafsir Fi Zilal Al-Quran Dalam Surah Al-Ra'du</i>	95

SENARAI SINGKATAN / SIMBOL / ISTILAH

SWT	-	<i>Subhanahuwataala</i>
SAW	-	<i>Sallallahu alaihi wasallam</i>
RA	-	<i>Radiyallahu anhu</i>
AS	-	<i>Alaihi salam</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Al-Quran merupakan kalam Allah yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai penyeruan Rasulullah SAW kepada seluruh umat manusia. Mukjizat teragung ini adalah anugerah terbesar dari Allah SWT untuk seluruh hamba-Nya. Firman Allah SWT :

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٥٥﴾

Terjemahannya : *“Dan ini sebuah Kitab (Al-Quran) Yang Kami turunkan, Yang ada berkatnya (banyak manfaatnya). Oleh itu, hendaklah kamu menurutnya; dan bertaqwalah (kepada Allah), Mudah-mudahan kamu beroleh rahmat”*

(Surah al-An'am 6:155)

Allah SWT telah memberi jaminan bahawa al-Quran adalah satu-satunya petunjuk kebenaran yang membawa manusia dari kegelapan dan kefanaan dunia kepada cahaya keimanan dan menjadi panduan kehidupan di dunia agar mencapai kebahagiaan di akhirat kelak. Firman Allah SWT :

فَمَنْ أَتَّبَعَ هُدَايَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَىٰ ﴿١٢٣﴾ وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي
فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَىٰ ﴿١٢٤﴾

Terjemahannya : *"Maka sesiapa yang mengikut petunjuk-Ku itu nescaya ia tidak akan sesat dan ia pula tidak akan menderita azab sengsara. "Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta".*

(Surah Taha 20:123-124)

Fadlan Mohd Othman (2005: 10) menukilkan bahawa Allah SWT telah memelihara al-Quran daripada sebarang penyelewengan, penukaran, penambahan mahupun pengurangan kerana Allah SWT telah berjanji untuk memeliharanya. Dalam memahami ajaran seruan agama Islam umat manusia diseru supaya meneliti kitab Allah, memahaminya dan mempraktikkan segala ajaran yang terkandung di dalam al-Quran dalam kehidupan seharian Firman Allah SWT :

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ ۚ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا
كَثِيرًا ﴿٨٢﴾

Terjemahannya: *"Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? kalaulah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya."*

(Surah al-Nisa' 4:82)

Oleh demikian, untuk memahami kitab suci ini seseorang itu perlu mengetahui asas-asas penafsiran al-Quran yang merupakan salah satu cabang ilmu yang sangat penting iaitu ilmu tafsir dalam memahami al-Quran. Begitu juga perlu memahami dan mempelajari metode yang betul dalam menerangkan kalam Allah kerana ianya penting untuk menjaga kesahihan kesucian kandungan al-Quran. Penafsiran al-Quran memerlukan kepada penelitian dan pemahaman ayat al-Quran sepenuhnya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran :

كَتَبْنَا أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبْرَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Terjemahannya: “(Al-Quran ini) sebuah Kitab Yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu Wahai Muhammad), -Kitab Yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami Dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang Yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.”

(Surah al-Saad 38:29)

Rozali Adam (1985: 76) menyatakan lagi dalam buku beliau bahawa salah satu kaedah penafsiran mestilah merujuk kembali kepada kedudukan Bahasa ‘Arab yang meliputi dari segi syair dan prosa kata yang bersesuaian dengan kelembutan jiwa manusia yang dijadikan oleh Allah SWT Di dalam susunan ayat-ayat al-Quran itu terdapat pelbagai cabang ilmu yang dikaitkan dengan pengertian dari potongan-potongan ayat yang difikirkan perlu kepada keterangan lanjut. Begitu juga huraian atau *syarah* setiap ayat atau kalimah dari sudut perbahasan ilmu nahu di mana fungsi setiap ayat itu akan menentukan pengertian yang tepat.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa majoritinya umat Islam kurang berkemampuan untuk memahami makna al-Quran sepenuhnya, khususnya yang bukan berbangsa Arab. Ini disebabkan beberapa kekangan di antaranya tidak memahami Bahasa Arab itu sendiri kecuali apabila disampaikan kepada mereka al-Quran itu berserta terjemahan makna dan tafsirnya di dalam bahasa ibunda mereka sendiri. Oleh itu, jelaslah bahawa penafsiran serta penterjemahan al-Quran merupakan jalan alternatif untuk umat

Islam memahami agama Islam disamping menyebarkan dakwah Islamiyyah ke seluruh dunia samada di kalangan umat Islam sendiri mahupun di kalangan bukan Islam.

1.2 Latar Belakang Masalah

Ilmu penafsiran al-Quran merupakan ilmu yang penting dalam menerangkan ajaran yang terkandung di dalamnya. Ilmu ini merupakan salah satu cabang dari cabang ilmu-ilmu al-Quran bagi memahami maksud-maksud tersurat mahupun tersirat dalam al-Quran.

Ilmu ini sudah pun digunakan oleh golongan *al-Salaf* di mana mereka memahami kandungan isi al-Quran menerusi mempelajari serta memahami ilmu yang berkaitan dengan al-Quran seterusnya melaksanakan tuntutananya. Bahkan mereka tidak memindahkan satu ayat ke ayat yang lain melainkan setelah mereka melaksanakan ajaran yang terkandung di dalamnya. Pada waktu itu, tiada keraguan dan penyelewengan terhadap penafsiran yang dilakukan kerana setiap keraguan yang timbul akan dijelaskan secara terperinci oleh baginda Rasulullah SAW.

Namun setelah berakhir zaman *Salaf al-Salih* diikuti pula zaman *Khalaf* dimana ulama' pada waktu itu dikenali sebagai ulama' *Khalaf*. Pada zaman inilah muncul perbezaan antara kedua-dua golongan. Perkara ini yang jelas kelihatan pada permasalahan aqidah dan juga penafsiran al-Quran dimana berlaku banyak rekaan dan penyelewengan terhadap baginda Rasulullah SAW. Pada akhir abad keempat hijrah, muncul pula zaman *taqlid* yang dianggap zaman kemunduran umat Islam dalam pelbagai bidang terutamanya apabila jatuhnya kerajaan Baghdad ke tangan Monggol dimana ia adalah sebuah tempat berkumpulnya para ilmuwan Islam. Kejatuhan ini memberi kesan yang mendalam kepada

umat Islam sehinggakan penguasa tidak mampu menegakkan kebenaran dan menangkis kebatilan. Para ulama pula tidak berijtihad secara murni, masyarakat Islam pula mula sedikit demi sedikit meninggalkan al-Quran dan al-Hadis.

Dalam situasi tersebut muncul beberapa ulama yang ingin mengembalikan pemikiran umat Islam kepada ajaran al-Quran dan al-Hadis serta meninggalkan pendapat ulama mazhab yang tidak didasari oleh sumber-sumber yang jelas sebagaimana yang dilakukan oleh golongan salaf. Gerakan Salafiyah ini dicetuskan oleh ulama terkenal seperti Ibn Taimiyyah dan diteruskan oleh Ibnu Qayyim al-Jawziyyah dan Muhammad bin Abd al-Wahhab. Aliran ini seterusnya dikembangkan oleh Jamal al-Din al-Afghani, Syeikh Muhammad ‘Abduh dan Muhammad Rashid Rida. Gerakan ini berlaku di tanah Arab dan berkembang ke Negara-negara Islam termasuk rantau Melayu.

Pada zaman mutakhir ini, pelbagai gejala penyelewengan penafsiran al-Quran masih berleluasa. Pelbagai cara yang dilancarkan secara besar-besaran oleh golongan Orientalis yang sememangnya mahukan kehancuran Islam dan memastikan umat Islam tidak lagi berpegang kepada al-Quran dan al-Hadis. Isu yang paling hebat diperkatakan kini ialah perlunya kepada penafsiran semula al-Quran berdasarkan situasi, kehendak semasa serta keadaan setempat sedangkan kita mengetahui bahawa sifat al-Quran itu sendiri sesuai digunakan pada mana-mana tempat dan zaman sehinggalah tibanya hari kebangkitan.

Justeru bagi menangkis segala penyelewengan terhadap penafsiran al-Quran, memerlukan kepada usaha dan penggembleng pemikiran menerusi metodologi penafsiran al-Quran yang telah digariskan oleh penafsir terdahulu sehinggalah kini, seterusnya mendedahkannya kepada masyarakat umum. Atas kesedaran ini, penulis merasakan terpanggil dan berkeinginan untuk mengungkap melalui kajian terhadap dua buah kitab tafsir iaitu *Tafsir Fi Zilal al-Quran* dan *Tafsir Al-Azhar* bagi memberi kefahaman kepada

diri dan pembaca tentang metodologi penafsiran dan rahsia kandungan al-Quran. Kedua-dua kitab tafsir ini dikarang oleh dua orang tokoh yang terkenal dalam bidang penafsiran dan keintelektual ilmu mereka iaitu al-Syahid Sayyid Qutb dan Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka). Kajian ini adalah untuk melihat perbandingan tafsir antara kedua-dua penafsir melalui penginterpretasi mereka dalam *Surah al-Ra'du*.

1.3 Penyataan Masalah

Kajian ilmiah ini cuba menengahkan perbandingan mengenai metode penafsiran yang digunakan dua orang tokoh penafsir yang terkenal yang berbeza latar latarbelakang dan suasana. Hamka dikenali seorang penafsir al-Quran yang terkenal di Indonesia menerusi kitab tafsirnya Tafsir *al-Azhar*. Beliau dikenali sebagai penafsir al-Quran alam Melayu yang mana penafsirannya hampir dengan kefahaman bagi masyarakat rumpun Melayu itu sendiri seperti Indonesia dan termasuklah Malaysia. Manakala Sayyid Qutb pula merupakan penafsir yang hebat dari sudut pemikirannya yang bersifat *haraki*, lebih-lebih lagi beliau hidup pada era Revolusi Mesir. Pada awal abad ke-20 Perkembangan ilmu tafsir di Malaysia mengalami perubahan yang besar ekoran tersebar luas idea pembaharuan yang dicetuskan oleh tokoh-tokoh *mujaddid* Islam di Mesir ke Nusantara. Dari sudut metode penafsirannya yang bersifat luas dan mendalam adalah berbeza berbanding penafsiran dikalangan ulama rumpun Melayu ketika itu (Mustaffa Abdullah 2003: 110). Dalam Kajian ini penulis akan mengenalpasti metodologi penafsiran yang digunakan oleh kedua-dua penafsir ini serta perbandingannya khusus terhadap *Surah al-Ra'du*.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji perbandingan tafsir al-Quran antara Sayyid Qutb dengan Hamka terhadap surah An-Ra'du. Kajian ini juga akan menilai kedua-dua penafsir bagaimana mereka menafsirkan Al-Quran sehingga kedua-dua tafsir tersebut menjadi sumber rujukan kepada umat Islam sehingga ke hari ini. Antara objektif utama kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti metode utama dalam penafsiran *Tafsir Fi Zilal al-Quran* dan *Tafsir al-Azhar* dalam *Surah al-Ra'du*.
2. Melakukan perbandingan metode penafsiran antara *Tafsir Fi Zilal al-Quran* dengan *Tafsir al-Azhar* dalam *Surah al-Ra'du*.

1.5 Persoalan kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa perkara yang menjadi persoalan terhadap kajian yang dijalankan. Antara yang dikenalpasti ialah:

1. Apakah metode-metode penafsiran *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an* dan *Tafsir al-Azhar* dalam *Surah al-Ra'du*?
2. Apakah perbandingan metode penafsiran antara *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an* dengan *Tafsir al-Azhar* dalam *Surah al-Ra'du*?